

MAHATHIR-PENGERUSI 1981

KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA)—DEWAN TERTINGGI BARISAN NASIONAL YANG BERSIDANG HARI INI TELAH SEBULAT SUARA MENERIMA PERLANTIKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEBAGAI PENGERUSINYA YANG BARU.

BELIAU MENGGANTIKAN DATUK HUSSEIN ONN YANG MELETAKKAN JAWATAN PERLANTIKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR ITU JUGA MENANDAKAN TAMATNYA SATU LAGI PROSES PERALIHAN 'KUASA' POLITIK DARI DATUK HUSSEIN YANG MAHU BERSARA DARI POLITIK.

NAMA DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH DICALONKAN SENDIRI OLEH DATUK HUSSEIN SEBAIK SAJA BELIAU MENGUMUMKAN DENGAN RASMINYA KEPADA SIDANG ITU TENTANG HASRATNYA HENDAK MELETAKKAN JAWATAN.

SIDANG ITU YANG BERLANGSUNG DI SRI TAMAN DIHADIRI OLEH PARA PEMIMPIN DARI KESEMUA 11 PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL TERMASUK MEREKA DARI SABAH DAN SARAWAK.—BERSAMBUNG 1839/HM

MAHATHIR-PENGERUSI 2 KUALA LUMPUR

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS SIDANG SELAMA SETENGAH JAM ITU DATUK HUSSEIN BERTERIMA KASIH KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA DEWAN TERTINGGI SERTA ANGGOTA-ANGGOTA PARTI-PARTI KOMPONEN ATAS SOKONGAN, BANTUAN DAN KEPERCAYAAN YANG TELAH DIBERIKAN.

BELIAU YAKIN BARISAN NASIONAL TERUS MAJU DAN KEKAL WALAUPUN MENGHADAPI MASALAH-MASALAH KECIL DARI MASA KE SEMASA.

+MASALAH-MASALAH INI ADALAH MASALAH-MASALAH BIASA DAN SAYA YAKIN IA TIDAK AKAN MENJEJASKAN KEKUATAN BARISAN NASIONAL SEKARANG ATAU PADA MASA -MASA DEPAN TERUTAMA SEMASA MENGHADAPI PILIHANRAYA UMUM AKAN DATANG,+ TEGASNYA.

DATUK HUSSEIN YAKIN DI BAWAH KEPIMPINAN DATUK SERI DR. MAHATHIR SERTA DENGAN SOKONGAN PARA PEMIMPIN PARTI KOMPONEN, BARISAN NASIONAL AKAN TERUS BERJAYA MEMPERKUKUKAN KEYAKINAN RAKYAT SERTA KEKUATAN PARTI.

+SAYA JUGA YAKIN BARISAN NASIONAL AKAN TERUS MENDAPAT KEPERCAYAAN DAN KEYAKINAN RAKYAT UNTUK MENTADBIR DAN MEMERINTAH NEGARA,+ TEGASNYA.

LAGI.—BERSAMBUNG 1844/HM

MAHATHIR-PENGERUSI 3 KUALA LUMPUR

PRESIDEN MCA DATUK LEE SAN CHOON YANG TURUT HADIR PULA MEMBERITAHU DEWAN TERTINGGI DALAM SIDANGNYA ITU JUGA TELAH SEBULAT SUASA MELULUSKAN USUL TERIMA KASIH KEPADA DATUK HUSSEIN ATAS SEGALA KEPIMPINAN DAN JASA SERTA PERJUANGANNYA KEPADA BARISAN NASIONAL.

USUL ITU YANG DIBAWA OLEH DATUK LEE TELAH DISOKONG OLEH

PRESIDEN MIC DATUK S. SAMY VELLU.

DALAM USUL ITU, DEWAN TERTINGGI JUGA TELAH BERIKRAR UNTUK MEMBERI KERJASAMA SEPENUHNYA KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

USUL TERSEBUT JUGA MELAHIRKAN KEYAKINAN DEWAN TERTINGGI BAHWA BARISAN NASIONAL DI BAWAH DATUK SERI DR. MAHATHIR AKAN TERUS MAJU DAN STABIL.

SEBAGAI TANDA PENGHARGAAN DAN BAGI MENGENANGKAN JASA-JASA DATUK HUSSEIN, DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MENYAMPAIKAN BAGI PIHAK DEWAN TERTINGGI ITU SEBUAH SET TEH YANG DIPERBUAT DARI PERAK ITALI.

— BERNAMA 1850/SZ